



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

Telefon : (03) - 2618 9958
Faks : (03) - 2618 9844
Laman Web : <https://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : (42) dlm. PKR(L) 2/1/90
Tarikh : 31 Mac 2022

SEMUA PENGILANG/PEMBEKAL BAHAN/BARANGAN *INDOOR LUMINAIRES (LED)*

Tuan/Puan,

PERKARA: MAKLUMAN KETETAPAN PEMATUHAN KEPADA STANDARD TERKINI *ELECTROMAGNETIC COMPATIBILITY (EMC) IEC 61000-3-2 EDISI 2018* DAN KE ATAS BAGI PENDAFTARAN BAHAN/BARANGAN *INDOOR LUMINAIRES (LED)*

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Bahan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bil.3/2022 telah membuat ketetapan bahawa semua permohonan pendaftaran bahan/barangan *Indoor Luminaires (LED)* perlu mematuhi standard terkini IEC 61000-3-2 edisi 2018 dan ke atas.

3. Ketetapan ini akan mula berkuatkuasa pada **15 Februari 2023**. Bagi permohonan pembaharuan yang mana pendaftarannya akan tamat tempoh sebelum tarikh kuatkuasa, kelulusan bersyarat akan diberikan sehingga 15 Februari 2023. Selepas tarikh tersebut, bahan/barangan yang tidak mematuhi ketetapan ini akan ditamatkan kelulusan dan dikeluarkan daripada EMAL. Tuan/puan selaku pengilang/pembekal berdaftar hendaklah memastikan bahawa bahan/barangan yang didaftarkan mematuhi perkara ini.

4. Pihak tuan boleh menghubungi pegawai Unit Pensijilan Bahan dan Standard, CKE di talian 03-26189954 untuk sebarang maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(Ir. HANIZAN BINTI SHAFFII)
Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
b/p Ketua Pengarah Kerja Raya
JKR Malaysia.




CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111